

D827

U B791 AAB
MT - PINDAAN

KUALA LUMPUR, 7 FEB (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI BERSETUJU BILANGAN ANGGOTA JAWATANKUASA PERGERAKAN PEMUDA UMNO PERINGKAT BAHAGIAN DITAMBAH DARIPADA TUJUH KEPADA SEPULUH ORANG.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PINDAAN INI ADALAH SELARAS DENGAN PINDAAN PERATURAN PERGERAKAN WANITA UMNO.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA SIDANG AKHBAR SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA MESYUARAT JUGA MELULUSKAN PERLANTIKAN JAWATANKUASA PEMILIHAN BAGI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI PARTI PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO APRIL INI DENGAN DIPENGERUSIKAN OLEH SPEAKER DEWAN RAKYAT TAN SRI MOHAMAD ZAHIR ISMAIL.

JAWATANKUASA ITU DIANGGOTAI OLEH TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF, TAN SRI JEN (B) ABDUL HAMID BIDIN, TAN SRI HAJAH FATIMAH HASHIM, DATUK SERI WAN MOHAMED WAN TEH, DATUK TAHIR MAJID DAN DATUK AZAHARI TAIB.
-- LAGI

1552MST 07 02 87

U B792 AAB
MT - PINDAAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA SEBUAH JAWATANKUASA PENAPIS USUL DITUBUHKAN DENGAN DIPENGERUSIKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA DAN DIANGGOTAI OLEH NAIB PRESIDEN UMNO DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI, KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ.

DUA ORANG LAGI ANGGOTA JAWATANKUASA ITU IALAH KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN SETIAUSAHA AGUNG DATUK SERI SANUSI JUNID.

MENGENAI WAKIL MAJLIS TERTINGGI PARTI PADA PERHIMPUNAN AGUNG PEMUDA, BELIAU BERKATA MESYUARAT MELANTIK TIGA ORANG ANGGOTA MT IAITU MENTERI BESAR PAHANG DATUK KHALIL YAAKOB, MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM DAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK SERI ABDUL AJIB AHMAD.

WAKIL MAJLIS TERTINGGI PARTI PADA PERHIMPUNAN AGUNG WANITA PULA IALAH NAIB PRESIDEN DATUK SERI WAN MOKHTAR AHMAD, DATUK ABU HASSAN OMAR DAN DATUK SERI KAMARUDDIN MAT ISA, KATANYA. -- BERNAMA

1554MST 07 02 87